



Banjir melanda Jalan Batu 3 – Glenmarie dekat Shah Alam apabila air Sungai Damansara melimpah berikutan hujan lebat pagi semalam.

Banjir kilat landa Batu Tiga

» Hujan lebat empat jam menyebabkan air sungai melimpah ke jalan raya

Oleh Azzman Jamal
bhshahalam@bh.com.my

Shah Alam

Hujan mulai jam 9 pagi yang berlarutan kira-kira empat jam, menyebabkan banjir kilat di Batu Tiga di sini, semalam.

Tinjauan BH mendapati beberapa jalan raya termasuk sebuah pusat perubatan swasta dinaiki air setinggi kira-kira 20 sentimeter.

Laluan motosikal ditenggelami air dan tidak dapat dilalui manakala kesesakan dilaporkan berlaku di beberapa lokasi.

Timbalan Pengarah Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata faktor geografi di kawasan itu menyumbang kepada kenaikan air yang menyebabkan banjir kilat.

Pertembungan air

Katanya, antara kawasan dinaiki air ialah Jalan Ba-



Kenderaan yang melalui Persiaran Jubli Perak, Batu Tiga terpaksa memperlahankan kenderaan selepas kawasan itu dinaiki air akibat hujan lebat sejak jam 9 pagi.

[FOTO ASYRAF BOKHAR/BH]

tu Tiga Lama.

Beliau berkata, banjir kilat berkenaan berpunca daripada pertembungan laut pasang dan hujan lebat, mengakibatkan air melimpah ke jalan dan tidak dapat disalurkan ke parit berhampiran.

“Anggota Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan MB-

SA (Pasukan Unit PANTAS) membuat pemantauan dan kawalan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Tutup jalan

“Hasil pemantauan, MBSA memutuskan untuk menutup Jalan Batu Tiga Lama mulai kira-kira jam 4 petang sebe-

lum dibuka semula pada 7 petang,” katanya ketika dihubungi BH.

Shahrin berkata, orang ramai yang ingin membuat aduan mengenai masalah banjir, pokok tumbang dan tanah runtuh boleh menghubungi Pasukan PANTAS di talian 24 jam iaitu 03-55105811.